

KAWALAN CAPAIAN INTERNET



1

Penggunaan Internet di MPKlang hendaklah dipantau secara berterusan oleh Pentadbir Rangkaian ICT bagi memastikan penggunaannya untuk tujuan capaian yang dibenarkan sahaja untuk melindungi daripada kemasukan malicious code, virus dan bahan-bahan yang tidak sepatutnya ke dalam rangkaian MPKlang.

2

Penggunaan Internet hanyalah untuk KEGUNAAN RASMI SAHAJA. Walaupun kemudahan Internet dibuka kepada semua kakitangan

3

Ketua Jabatan berhak menentukan pengguna yang dibenarkan menggunakan Internet atau sebaliknya dengan memajukan kepada Pengurus ICT untuk tindakan.

4

Laman yang dilayari hendaklah hanya yang berkaitan dengan bidang kerja dan terhad untuk tujuan yang dibenarkan oleh Pengarah/ pegawai yang diberi kuasa.

5

Bahan yang diperolehi dari Internet hendaklah ditentukan ketepatan dan kesahihannya. Sebagai amalan terbaik, rujukan sumber Internet hendaklah dinyatakan.

6

Pengguna hanya dibenarkan memuat turun bahan yang sah seperti perisian yang berdaftar dan di bawah hak cipta terpelihara.

7

Sebarang bahan yang dimuat turun dari Internet hendaklah digunakan untuk tujuan yang dibenarkan oleh MPKlang.

8

Penggunaan modem untuk tujuan sambungan ke Internet TIDAK DIBENARKAN SAMA SEKALI melainkan dengan kelulusan dan pengesahan.

Pengguna adalah dilarang melakukan aktiviti-aktiviti seperti berikut:

9

a). Memuat naik, memuat turun, menyimpan dan menggunakan perisian tidak berlesen dan sebarang aplikasi seperti permainan elektronik, video, lagu yang boleh menjejaskan tahap capaian internet.

b) Menyedia, memuat naik, memuat turun dan menyimpan material, teks ucapan atau bahan-bahan yang mengandungi unsur-unsur lucah.

